

Projek Rintis Skim CAKNA

*Kemudahan Pembiayaan untuk
Syarikat Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan Kontrak Kerajaan Persekutuan
oleh Institusi Perbankan
(Tarikh Kuatkuasa: 1hb Mac 2021 sehingga 28hb Februari 2022)*

Objektif:

1. Memberi taklimat mengenai Skim CAKNA ;
2. Soal jawab berkenaan pelaksanaan Skim CAKNA;

Pihak yang terlibat:

Syarikat Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan untuk :-

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT)

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)

Bank Peserta:



16 April 2021, Jumaat 10.00 pagi
MS Teams

Pengenalan: Skim CAKNA

Ciri-ciri Skim CAKNA

Skim CAKNA merupakan fasiliti yang ditawarkan oleh institusi perbankan bagi **membantu aliran tunai Syarikat** yang memperoleh kontrak Kerajaan Persekutuan.

- Satu inisiatif yang membantu kelangsungan operasi Syarikat serta mempercepat bayaran kepada pembekal dan pekerja, bagi melicinkan pergerakan rantaian ekonomi, seterusnya **membantu pertumbuhan ekonomi negara**.
- Melibatkan **pengaturan tiga pihak (“tripartite arrangement”)** merangkumi Syarikat, Bank Peserta dan Kementerian (dan pelbagai agensi berkaitan yang mengeluarkan kontrak) sebagai Prinsipal.
- Syarikat menjual invois (yang dikemukakan kepada Prinsipal) kepada Bank, bagi mendapat **bayaran awal tanpa meningkatkan tahap keberhutangan Syarikat** (menggunakan fasiliti “*non-recourse receivable purchase*”).
- **Hak ke atas invois dipindahkan** daripada Syarikat kepada Bank melalui *Surat Ikatan Penyerahan Hak “Deed of Assignment”* atau DOA yang ditandatangani oleh ketiga-tiga pihak.
- Memanfaatkan **infrastruktur sedia ada** bagi memastikan pelaksanaan secara cepat dan efisien.



Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan Tahun 2021
Ditawarkan bagi kontrak perolehan bekalan dan perkhidmatan (“supply and services”) **sedia ada dan/ atau baru** yang ditawarkan pada tahun 2021.



Pembayaran Segera

Sumber pembiayaan alternatif kepada Syarikat untuk **mendapatkan modal pusingan lebih awal** bagi invois yang dikemukakan, tanpa perlu menunggu pembayaran oleh Kerajaan.



Sehingga 100% Nilai Invois

- Syarikat layak untuk **mendapatkan fasiliti sehingga 100% daripada nilai invois** yang dikemukakan kepada Kerajaan (selepas ditolak kadar caj semasa oleh pihak bank).
- Syarikat juga hendaklah **memenuhi syarat dan terma** berdasarkan Surat Setuju Terima (SST) atau kontrak yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan.

Perbezaan diantara Skim CAKNA dan Kemudahan Pembiayaan Sedia Ada

Mak Cik Kiah Sdn Bhd merupakan syarikat pembekal yang mendapat kontrak pembekalan dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berjumlah RM300,000.00. Mak Cik Kiah Sdn. Bhd sedang memikirkan dan meneliti kemudahan pembiayaan dalam perolehan Kerajaan di antaranya adalah kemudahan Pemfaktoran, Skim Pembiayaan Kontrak oleh MARA dan Skim CAKNA. Mak Cik Kiah Sdn Bhd telah membuat simulasi pembayaran dan membuat perbandingan di antara ketiga-tiga kemudahan pembiayaan ini. Hasil perbandingan seperti berikut. Apakah pilihan Mak Cik Kiah SB?

1

	A PEMFAKTORAN	B MARA	C CAKNA	2
Had Pembiayaan	80% daripada nilai invois	65% daripada nilai kontrak maximum RM1juta	Sehingga 100% daripada nilai invois	
Tempoh Pembiayaan	Sehingga 180 hari	Mengikut kontrak	14 hari daripada tarikh invois diperakui sah dan nilai pembayaran	
Rekursa kepada Mak Cik Kiah	Ya	Ya	Tidak	
Kadar Keuntungan	Kadar Pembiayaan Asas + margin keuntungan (~10% setahun /0.83% sebulan)	6% setahun (0.50% sebulan)	*5% setahun (0.41% sebulan)	
Caj-caj lain - Caj Perkhidmatan	1% daripada nilai invois	Tiada	*Tiada	
Cagaran	Bergantung kepada syarikat pemfaktoran	RM250,000 – Tiada Lebih RM250,000 :- (i) Jaminan Perseorangan;(ii) Tanah/Bangunan	Tiada	
Berapa amaun pembiayaan diterima	RM237,000.00	RM 195,000.00	RM299,424.66	
Jumlah kos yang dibayar	**RM3,895/ RM64.92 sehari	**RM1,923.28/RM32.05 sehari	RM575.34/RM41.10 sehari	
Baki setelah pembayaran kontrak diterima	RM56,104.11	RM103,076.72	RM0	


Nota:

* Berbeza mengikut Bank Peserta

** Berdasarkan 60 hari pembiayaan

*** Pengiraan perbandingan adalah simulasi untuk perbincangan semata-mata.

3



Aliran Proses Skim CAKNA:

A – PERMOHONAN FASILITI

(Selepas tawaran kontrak diberi kepada Syarikat)



Kementerian



Syarikat
(Petender berjaya)



Bank

1

Mengeluarkan (melalui eP):

- SST
- Standard DOA yang boleh dimuat turun untuk diisi Syarikat

2

Menyerahkan permohonan fasiliti kepada Bank pilihan dengan menyertakan:

- Borang permohonan dan salinan asal SST
- DOA (yang ditandatangani Syarikat)
- Nama, no. telefon dan alamat e-mel pegawai perolehan Kementerian untuk tujuan pengesahan SST

Syarikat boleh mendapatkan maklumat berkenaan fasiliti ditawarkan dengan menghubungi Bank pilihan.

3

Memberi kelulusan dalam tempoh 10 hari bekerja

5

- Menandatangani DOA dalam tempoh 5 hari bekerja dan menyerahkan semula kepada Bank untuk dibuat ‘perfection’ seperti *stamping*

6

- Mengunci masuk maklumat berkaitan Skim CAKNA di dalam sistem eP menggunakan platform pemfaktoran termasuk salinan perjanjian pembiayaan antara Bank dan Syarikat (untuk diluluskan oleh Kementerian)
- Menyertakan tangkapan skrin (“screenshot”) rekod pemuatnaikan maklumat termasuk nombor akaun pembayaran yang telah dikemaskini kepada pihak Bank

4


Menyerahkan permohonan kepada Kementerian (dan memaklumkan kepada Syarikat) beserta:

- SST yang ditandatangani balas Syarikat
- Salinan Surat Tawaran Pembiayaan oleh Bank yang dipersetujui Syarikat
- Salinan dokumen perjanjian pembiayaan antara Bank dan Syarikat
- DOA – 3 salinan (yang ditandatangani Syarikat dan Bank)

Aliran Proses Skim CAKNA:

B – PEMBAYARAN

(Selepas kontrak dilaksanakan Syarikat)



Skim CAKNA secara ringkas

Apakah yang ditawarkan

- Cara mudah untuk aliran tunai
- Tanpa cagaran
- Kos yang amat kompetitif
- Tanpa rekursa
- Sehingga 100% Nilai Invois



Kecairan aliran tunai

Pembelian invois yang telah diperakui oleh Kementerian

4 Institusi Perbankan Islam terlibat

1. Maybank Islamic Berhad
2. CIMB Islamic Berhad
3. RHB Islamic Bank Berhad
4. MBSB Bank Berhad



Terhad kepada kontrak Kerajaan

Kontrak Bekalan dan Perkhidmatan sedia ada atau baharu yang ditawarkan melalui sistem ePerolehan



Projek Rintis

1 Mac 2021 hingga 28 Februari 2022

4 Kementerian yang terlibat

- (1) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- (2) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- (3) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT)
- (4) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)

Pembayaran Invois hanya dengan 5 langkah mudah!

LANGKAH 5



Hantarkan salinan invois kepada Bank setelah melaksanakan kontrak Kerajaan (pengesahan akan dilakukan secara terus dengan Kementerian). Syarikat akan mendapat bayaran awal setelah invois diluluskan Kementerian.

5

LANGKAH 3



Makluman berkenaan kelulusan permohonan pembiayaan akan diberikan dalam tempoh 10 hari bekerja


3

LANGKAH 1



Layari portal keempat-empat institusi perbankan Islam yang terlibat dan hubungi mereka untuk maklumat lanjut.

1



LANGKAH 2



Sediakan dokumen seperti di bawah:

- Borang permohonan dan salinan asal SST
- DOA (yang ditandatangani Syarikat)
- Dokumen-dokumen lain mengikut keperluan bank.

Skim CAKNA:

Kemudahan Pembiayaan untuk Syarikat yang Memperoleh Kontrak Kerajaan Persekutuan (KKM, KPM, KPT dan KKMM) oleh Institusi Perbankan

Pembiayaan Segera pada Kadar Kompetitif



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Untuk maklumat lanjut, syarikat-syarikat yang berminat boleh menghubungi Institusi Perbankan berikut:



CIMB Islamic
Bank Berhad



1300 888 828 (Local)
+03 2297 3000 (Overseas)



[bizfinancing.cimb.com.my
/portal/home](http://bizfinancing.cimb.com.my/portal/home)

Maybank
Islamic Berhad



1-300 88 6688



cakna@maybank.com

MBSB
Bank Berhad



03-2096 3004 /
03-2096 3233



clientcoverage@mbsbbank.com

RHB Islamic
Bank Berhad



03-9280 7447



cakna@rhbgroupp.com

Ciri-Ciri

1 Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan Tahun 2021

Fasiliti pembiayaan ini ditawarkan kepada semua syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan bagi **perolehan bekalan dan perkhidmatan** ("supply and services") **sedia ada dan/atau baru** yang ditawarkan pada tahun 2021.



2 Pembiayaan Segera

Kemudahan di bawah Skim CAKNA ini merupakan **satu sumber pembiayaan alternatif** kepada syarikat untuk mendapatkan modal pusingan lebih awal bagi invois yang dikemukakan, **tanpa perlu menunggu pembayaran** oleh Kerajaan.



3 Sehingga 100% Nilai Invois

Di bawah Skim ini, syarikat layak untuk mendapatkan **fasiliti sehingga 100% daripada nilai invois** yang dikemukakan kepada Kerajaan (selepas ditolak kadar caj semasa oleh pihak bank). Bagi mendapatkan kemudahan ini, syarikat tersebut hendaklah **mempenuhi syarat dan terma berdasarkan Surat Setuju Terima (SST) atau kontrak yang dikuatkuasakan** oleh pihak Kerajaan.

